

Longkang tersumbat jadi bahan cemuh

kosmo 11/11/2006

Oleh SHAMSHUL FITRI MAJID
fitri@kosmo.com.my

MELAKA - Bau busuk serta masalah nyamuk yang berpunca daripada longkang tersumbat bagaikan sudah sehati dengan penduduk di Perumahan Awam Pantai Peringgit, di sini.

Namun yang sehati itu tidak bermakna mereka menerimanya dengan hati terbuka, jauh sekali berasa selesa hidup dengan keadaan sedemikian saban hari.

Menurut penduduk, Jamaluddin Yahya, masalah itu sebenarnya sudah berlarutan hampir dua tahun.

"Air longkang tidak mengalir dengan lancar mungkin kerana kedudukannya yang lebih rendah daripada longkang besar.

"Sampah sarap yang boleh dijumpai di dalam longkang ini turut memburukkan keadaan," katanya sambil menunjukkan beberapa batang paip yang merintang longkang.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Ridzwan Omar memberitahu, batang paip itu sudah menjadi seakan perangkap sampah, menyebabkan pergerakan air juga akhirnya tersekat.

"Kalau dilihat, banyak sampah tersangkut apabila tiba di paip



SEORANG penduduk, Mohd. Shahrudin Sahak menutup hidung sambil melihat longkang yang tersekat di Perumahan Awam Pantai Peringgit, Melaka.

itu.

"Jadi air longkang tidak mengalir dan boleh menjadikan ia tempat pembiakan nyamuk," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Hussin Yunus pula mendakwa, disebabkan longkang itulah kawasan tersebut pernah diserang demam denggi tidak la-

ma dahulu.

"Apabila kita beritahu pihak berkuasa, mereka tidak mengambil apa-apa tindakan pun," dakwanya lagi.